ASPA اسفا
AMANAH SAHAM PAHANG BERHAD

POLISI ANTI-RASUAH
DAN
SOGOKAN

DISEDIAKAN OLEH	DISEMAK OLEH	DILULUSKAN OLEH
.....	.....	.....
PEGAWAI INTEGRITI	**PENGURUS BESAR**	**PENGERUSI JAWATANKUASA AUDIT & PENGURUSAN RISIKO**

Dokumen ini adalah harta intelek Amanah Saham Pahang Berhad (ASPA) dan ia mengandungi maklumat sulit yang tidak boleh disalin, dicetak atau dipinda dalam sebarang bentuk oleh mana-mana pihak ketiga tanpa sebarang kebenaran bertulis dari pihak Pengurus Besar, ASPA. Pihak syarikat berhak menyekat segala maklumat yang ada tanpa segala alasan.

Helaian ini merekodkan setiap pindaan ke atas polisi ini. Segala butir-butir pindaan perlu dinyatakan dengan jelas.

No. Pindaan	Muka Surat	Butir-Butir Pindaan	Tarikh
		Edaran pertama	21 September 2020
1	1-20	Pindaan	2 Februari 2026
		Edaran kedua	9 April 2026

KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN 1

2.0 OBJEKTIF 1

3.0 SKOP 1

4.0 DEFINISI DAN TAKRIFAN 2

5.0 PERNYATAAN POLISI 2

6.0 PERCANGGAHAN KEPENTINGAN 3

7.0 PEMBERI MAKLUMAT 3

8.0 PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH, BAYARAN PEMUDAHAN, SUMBANGAN BUKAN KOMERSIAL DAN TAJAAN 3

9.0 SUMBANGAN POLITIK 3

10.0 PENGUBAHAN WANG HARAM 3

11.0 PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN 4

12.0 BERURUSAN DENGAN PIHAK KETIGA 4

13.0 PEMATUHAN 4

14.0 SEMAKAN POLISI DAN PROSEDUR 4

15.0 TARIKH KUATKUASA 5

1.0 PENGENALAN

Polisi Anti-Rasuah Dan Sogokan (PARS) telah dibangunkan sebagai sebahagian daripada Sistem Pengurusan Risiko Rasuah yang telah direkabentuk untuk menyelaraskan prosedur yang mencukupi yang disyorkan oleh kerajaan dalam Garis Panduan Kementerian mengenai prosedur yang mencukupi menurut subseksyen (5) Seksyen 17A di bawah Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018).

Mempunyai kenyataan polisi yang jelas dan yang tidak meragukan mengenai kedudukan halatuju syarikat mengenai rasuah dan sogokan adalah asas utama dalam rangka sistem pengurusan integriti yang berkesan.

Ia juga dirangka sebagai satu usaha dalam memerangi jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di peringkat ASPA dan anak syarikat kumpulan ASPA.

2.0 OBJEKTIF

Objektif PARS adalah untuk memberi maklumat dan panduan kepada semua peringkat pekerja mengenai piawaian tingkah laku yang mereka mesti patuhi dan bagaimana untuk mengenali serta menangani rasuah dan sogokan.

Atas dasar itu, Unit Integriti dan Governans, IGU ASPA berperanan untuk membudayakan prinsip mencegah dan menolak rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di dalam syarikat berlandaskan kepada empat (4) fungsi teras iaitu:

i. Pengurusan Aduan;
ii. Pengesanan dan Pengesahan Aduan;
iii. Pengukuhan Integriti; dan
iv. Governans.

3.0 SKOP

Polisi ini terpakai ke atas kakitangan syarikat (sama ada tetap dan kontrak).

Polisi ini turut terpakai ke atas pengarah syarikat, konsultan, kontraktor, pelajar latihan industri, kakitangan pinjaman, kakitangan kontrak, rakan niaga, pemegang taruh, ejen atau mana-mana pihak yang dilantik syarikat dan pihak-pihak lain yang berurusan dengan syarikat.

4.0 DEFINISI DAN TAKRIFAN

RINGKASAN	DEFINISI
Polisi	Polisi anti-rasuah dan sogokan
Rasuah	Rasuah berlaku apabila seseorang individu menawarkan, membayar, meminta atau menerima bayaran, hadiah atau keuntungan kewangan atau lain-lain untuk mempengaruhi hasil perniagaan yang tidak betul, untuk mendorong atau ganjaran kelakuan tidak wajar atau untuk mendapatkan apa-apa faedah komersial, kontrak, kawalselia atau peribadi. Ia boleh secara langsung atau tidak langsung melalui pihak ketiga.
Sogokan	Penyalahgunaan jawatan atau kuasa untuk keuntungan persendirian atau penyalahgunaan kuasa persendirian berkait dengan perniagaan di luar peraturan dan akta undang-undang kerajaan Malaysia.
Suapan	Mana-mana jenis wang, apa-apa barangan bernilai, perkhidmatan, pinjaman, perkara atau janji, diskaun atau rebet yang mana sesuatu nilai yang sama atau lebih yang tidak ditukar. Bayaran untuk perjalanan, hiburan dan makanan adalah hadiah.
Syarikat	Amanah Saham Pahang Berhad (ASPA) dan anak syarikat milik ASPA
Kakitangan	Kakitangan ASPA dan anak syarikat milik ASPA

5.0 PERNYATAAN POLISI

PARS berkewajipan untuk menjalankan semua perniagaan dengan cara yang jujur dan beretika. Kami mengambil pendekatan menolak budaya rasuah dan sogokan serta bertindak secara profesional, adil dan berintegriti dalam semua urusan perniagaan di mana sahaja kami beroperasi dan menguatkuasakan sistem yang berkesan untuk menangani rasuah.

PARS akan menghuraikan prinsip integriti dan anti-rasuah dengan menyediakan garis panduan kepada semua peringkat pekerja tentang cara menangani sebarang permohonan yang tidak wajar, rasuah dan lain-lain aktiviti sogokan dan isu yang mungkin timbul semasa menjalankan perniagaan.

6.0 PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Syarikat sentiasa berusaha menerapkan serta memperkukuhkan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme dalam semua urusan rasmi.

Atas dasar tersebut, syarikat komited dalam memastikan segala urusan yang dikendalikan oleh kakitangan bebas daripada percanggahan kepentingan.

Sila rujuk Polisi Percanggahan Kepentingan.

7.0 PEMBERI MAKLUMAT

Syarikat menyediakan ruang kepada pemberi maklumat membuat pendedahan kelakuan tidak wajar dengan suci hati dan bukan berniat jahat yang berlaku kepada pihak syarikat.

Identiti pemberi maklumat akan dirahsiakan serta diberi perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] daripada apa-apa tindakan yang memudaratkan.

Sila rujuk Polisi Pemberi Maklumat.

8.0 PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH, BAYARAN PEMUDAHAN, SUMBANGAN BUKAN KOMERSIAL DAN TAJAAN

Syarikat mengambil maklum bahawa penerimaan dan pemberian hadiah adalah sebahagian daripada etika perniagaan. Walaubagaimanapun, syarikat sangat komited dalam menjalankan perniagaan dengan berintegriti, jujur dan amanah serta mengamalkan prinsip “Rasuah Sifar” dalam perniagaan.

Sila rujuk Polisi Pemberian Dan Penerimaan Hadiah.

9.0 SUMBANGAN POLITIK

Syarikat menerima pakai dasar yang melarang sebarang sumbangan dalam apa jua bentuk atau cara bagi menyokong mana-mana parti politik, ahli politik atau calon politik yang dianggap sebagai satu percubaan untuk mendapatkan manfaat kepada syarikat.

10.0 PENGUBAHAN WANG HARAM

Syarikat mengamalkan toleransi sifar terhadap aktiviti pengubahan wang haram atau aktiviti haram yang berlaku dalam syarikat. Sebarang transaksi pembelian atau

pelaburan dengan menggunakan hasil rasuah merupakan jenayah pengubahan wang haram di bawah Akta 613, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (Pindaan) 2024.

11.0 PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN

Syarikat sentiasa berusaha menerapkan serta memperkukuhkan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme dalam semua urusan rasmi.

Atas dasar tersebut, syarikat komited dalam memastikan segala urusan yang dikendalikan oleh kakitangan bebas daripada sebarang bentuk pengaruh luar dan surat sokongan dalam membuat sesuatu pertimbangan atau keputusan.

Sila rujuk Polisi Pengurusan Pengaruh Luar Dan Surat Sokongan.

12.0 BERURUSAN DENGAN PIHAK KETIGA

Syarikat komited untuk bertindak dengan penuh berintegriti dalam semua aktiviti perniagaan dengan pihak ketiga dan mematuhi undang-undang serta peraturan yang telah ditetapkan.

Sila rujuk Polisi Berurusan Dengan Pihak Ketiga.

13.0 PEMATUHAN

PARS hendaklah setiap masa mematuhi dan tertakluk kepada peraturan dan akta undang-undang Kerajaan Malaysia. Sekiranya berlaku apa-apa konflik atau ketidakselarasan antara peruntukan PARS dengan undang-undang Malaysia, yang kedua akan diterima pakai.

14.0 SEMAKAN POLISI DAN PROSEDUR

Unit Integriti bertanggungjawab membuat tafsiran, semakan dan permohonan terhadap polisi ini. Polisi ini akan disemak semula mengikut keperluan dan undang-undang dari semasa ke semasa.

Sebarang pindaan terhadap polisi ini akan menjadi efektif sebaik sahaja ianya diluluskan oleh Jawatankuasa Audit & Pengurusan Risiko dan diedarkan kepada kakitangan syarikat.

Sekiranya terdapat percanggahan terma dalam polisi ini, terma dan syarat syarikat serta kod etika dan tatalaku syarikat berkenaan skop yang dinyatakan dalam polisi ini, terma dalam polisi ini akan kekal.

15.0 TARIKH KUATKUASA

Pindaan polisi ini diluluskan pada Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Kali Ke 01/2026 bertarikh 2 Februari 2026 dan berkuatkuasa pada 7 April 2026.